



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 OGOS 2017 (JUMAAT)

AKHBAR	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	
- Kemelut peniaga gerai Kg. Pasir bakal berakhir	31
Sinar Harian	
- Kontraktor telah dilantik baiki tebing sungai runtuh	42
Berita Harian	
- Masalah sejak 3 bulan lalu belum selesai	12
- 'Tak percuma, letak kenderaan kena bayar'	13



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 04 OGOS 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Kemelut peniaga gerai Kg. Pasir bakal berakhir
Muka Surat	31

um 4/8/17 M/S 31

Kemelut peniaga gerai Kg. Pasir bakal berakhir

AMPANG JAYA 3 Ogos - Kemelut melibatkan 37 peniaga premis sepinggan di persimpangan selekoh Kampung Pasir, Ukay Perdana, Hulu Klang di sini bakal berakhir apabila pihak terlibat mencapai kata sepakat.

Koordinator Pembangunan Persekutuan N18 Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Klang, Ismail Ahmad berkata, perbincangan bersama wakil rakyat kawasan itu, wakil Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak dan Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia (GN1M) menetapkan peniaga terlibat akan mendapat tapak gantian.

"Wakil rakyat kawasan tersebut memaklumkan tapak gantian itu terletak di kaki bukit di Bukit Antarabangsa.

"Walaupun kawasan itu tanah lapang dan berbukit, peniaga memerlukan peruntukan bagi membina longkang dan jalan, siapa

gah Gabungan Perbandaran Bukan Kerajaan (GPN) Wilayah Kuala Lumpur dan PTD Gombak menerima kata sepakat untuk mencapai kata sepakat.

"Ini peniaga yang bawanya sangat penting di kawasan di sepanjang jalan. Mereka tidak akan pameran mereka, dan yang penting bagaimana masalah tersebut akan diselesaikan dan mereka dipertanggungjawabkan.

Beliau berkata, mereka menerima pampasan kerana, dia faham yang ada itu untuk mereka. Beliau tidak menyangka pembinaannya, namun beliau berfikir perlu membina infrastruktur.

Ini peniaga, Kamardin Ahmad. Menurut Ismail, pihaknya akan menyediakan bantuan daripada pihak pempunya bagi menyelesaikan perkara itu.

"Kawasan tersebut bukanlah tanah kosong di kawasan pusat. Tanah yang sudah dipindahkan itu tidak kosong dan berhad. Para peniaga terpaksa memindahkan tapak lagi memulakan sistem perparitan dan mereka memohonkan kos bagi kerja-kerja tersebut. Kalau saja pejabat itu, Kamardin perlu berkata, mereka akan menerima pampasan kerana mereka sudah pindah.

Kemelut peniaga gerai Kg. Pasir berterusan, operasi roboh ditangguh



KERATAN Utusan Malaysia 2 Ogos 2017.

mahu beri pampasan?

"Saya dimaklumkan, pihak pemaju akan memberi sagu hati sebanyak RM8,000 kepada setiap peniaga dalam tempoh dua minggu. Bagaimanapun, jumlah itu masih tidak mencukupi untuk peniaga membina semula perniagaan mereka," katanya.

Beliau berkata dalam sidang akhbar selepas hadir pada sesi bantahan penduduk Flat Taman Keramat Permai yang menuntut geran strata kediaman mereka semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 04 OGOS 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kontraktor telah dilantik baiki tebing sungai runtuh
Muka Surat	42

Kontraktor telah dilantik baiki tebing sungai runtuh

SH 4/8/17 MS 42

PANDAN INDAH - Kerja menaik taraf tebing sungai yang runtuh di Taman Lembah Maju akan dilaksanakan segera oleh kontraktor yang telah dilantik.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, kontraktor itu dilantik pada minggu lalu.

"Kos projek dianggarkan RM229,977 dan projek itu dijangka siap pada Oktober ini. Kontraktor berkenaan akan melaksanakan kerja penstabilan tebing sungai itu. Kontraktor akan membina L-Shape Concrete Wall, Turfing, Railing dan Roadwork," katanya melalui kenyataan media.

Beliau berkata, Pengurus Projek itu adalah Jabatan Parit Dan Saliran (JPS) Daerah Hulu Langat.

"Terdapat pihak yang cuba mempolitikkan isu tebing runtuh ini, kononnya tiada tindakan dari kerajaan negeri," katanya.

Sebelum ini, penduduk mendakwa kejadian tebing runtuh itu berlaku pada 11 April lalu akibat hujan lebat.



Keadaan tebing sungai yang runtuh di Taman Lembah Maju.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 04 OGOS 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Masalah sejak 3 bulan lalu belum selesai
Muka Surat	12

Ms.12 Jumaat, 4 Ogos 2017 -BH

→ HALAMAN KOTA

TEBING SUNGAI KERAYONG RUNTUH



Kok Wai (kanan) dan Mohammad Firdaus (kiri) menunjukkan tebing Sungai Kerayong yang runtuh. **Kedudukan Sungai Kerayong di Taman Lembah Maju, Ampang, yang berhampiran sekolah.**

Masalah sejak 3 bulan lalu belum selesai

➔ Penduduk Taman Lembah Maju harap JPS segera bertindak

Oleh Yusra Adibah Zakaria
bhnews@bh.com.my

➔ Ampang

Sejak tiga bulan lalu, penduduk Taman Lembah Maju, di sini, berada dalam kebimbangan berikutan tebing Sungai Kerayong, di kawasan perumahan itu runtuh disebabkan hujan lebat.

Disebabkan tebing yang runtuh itu berada di kawasan jalan yang menjadi laluan penduduk, keadaan itu bukan sahaja mendatangkan risiko kepada mereka yang menggunakan jalan berkenaan, terutama pelajar sekolah tetapi juga pengguna kenderaan.

Justeru penduduk berharap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pihak berkaitan mengambil tindakan segera memperbaikinya.

Kejadian tebing sungai runtuh dikatakan berlaku sejak lebih tiga bulan lalu dan penduduk bimbang akan keselamatan murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah yang terletak berdekatan kawasan runtuh itu.

Seorang pekerja bengkel kenderaan yang terletak berhampiran kawasan runtuh itu, Fu Kok Wai, berkata runtuh berlaku disebabkan hujan lebat berpangangan di kawasan itu, sekali gus menyebabkan air sungai melimpah ke jalan, seterusnya mengakibatkan runtuh tebing.

Apa yang turut membimbangkan penduduk ialah air yang melimpah itu akan membawa bersama pasir serta binatang-berbisa seperti ular yang mengancam keselamatan mereka.

Berasa tidak selamat

"Sudahlah penduduk dan peniaga di kawasan ini berasa tidak selamat dengan keadaan tebing sungai yang runtuh, air yang naik pula akan menyebabkan binatang-berbisa turut naik ke jalan, selain air yang kemudian bertakung menjadi sarang pembiakan nyamuk."

Fu Kok Wai, Pekerja bengkel kenderaan

bahkan mereka terpaksa menyimpan kenderaan pelanggan di dalam premis disebabkan lot parkir di luar premis tidak selamat digunakan dan lebih takut lot parkir terjejas.

Sementara itu, aktivis masyarakat, Mohammad Firdaus, berkata keadaan lampu yang malap pada waktu malam di kawasan runtuh juga membimbangkan penduduk kerana boleh menyebabkan mereka jatuh ke dalam sungai.

"Kawasan ini menjadi laluan penduduk sepanjang masa termasuk pada waktu malam dan ada yang terpaksa meletak kenderaan berhampiran kawasan sungai kerana tiada pilihan dan ini boleh mengancam nyawa mereka."

"Saya berharap tindakan segera dapat diambil oleh JPS dan walaupun Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sudah memasang pita penghadang kuning di sekitar kawasan runtuh sebagai tanda amaran, diharap kerja baik pulih kawasan tebing sungai berkenaan dapat dilakukan segera."

"Ini dapat mengelakkan penduduk daripada terdedah kepada bahaya disamping menyebabkan kawasan runtuh menjadi lebih besar," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 04 OGOS 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	'Tak percuma, letak kenderaan kena bayar'
Muka Surat	13

BH Jumaat, 4 Ogos 2017 Ms.13

ADUAN PEMBACA
Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my

→ HALAMAN KOTA

PARKIR DEPAN RUMAH DIKOMPAUN

[FOTO RIZALNI SHAMSUDIN/BH]



Kawasan komersial seperti rumah kedai memang kena bayar. Kawasan perumahan tidak dikenakan bayaran pada dasarnya”

Mhd Amin Nordin Abd Aziz,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

‘Tak percuma, letak kenderaan kena bayar’

➤ Penduduk Taman Danau Kota digalak ambil pas bulanan

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias dan Rashidah Ilimi Abd Rahim
bhnews@bh.com.my

➤ Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan meneliti masalah dihadapi penduduk di kawasan berdekatan rumah kedai mereka sering disaman pihak DBKL.

duduk Jalan 3/23A, Taman Danau Kota. Setapak, di sini, yang dikenakan bayaran letak kenderaan kerana kawasan rumah kedai itu sudah diwartakan sebagai tempat letak kenderaan berbayar.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Mhd Amin Nordin Abd Aziz, berkata penelitian akan dibuat mengikut aspek lokasi dan kewajaran bagi kawasan perumahan itu dikenakan bayaran parkir berbanding tempat lain.

“Kawasan komersial seperti rumah kedai memang kena bayar. Kawasan perumahan tidak dikenakan bayaran pada dasarnya.”

“Bagi kawasan perumahan berkenaan” tempat letak kenderaan bukan di hadapan rumah penduduk tetapi di bahagian deretan kedai, iaitu di kawasan komersial,” katanya kepada Halaman Kota.

Apa pun, katanya, tiada pengecualian bayaran jika terdapat meser berbayar tempat letak kenderaan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keluhan penghuni dan peniaga di kawasan perumahan itu yang berasa terkejut apabila kenderaan mereka dikenakan kompaun, termasuk kenderaan yang ditempatkan selepas jam 6 petang.

Kawasan perumahan itu adalah unit pangsupuri yang di bawahnya adalah lot komersial yang menempatkan pelbagai perniagaan.

Kedadaan ini menyebabkan penduduk berasa seperti tiada hak langsung untuk meletak kenderaan walaupun di kawasan kediaman sendiri selain mempersoalkan ke mana mereka harus meletakkan kenderaan kerana mendakwa ia adalah kawasan perumahan.

Tidak halang laluan
Selain itu dakwa penduduk, kenderaan yang diletakkan di bahagian belakang bangunan dan tidak menghalang laluan juga dikenakan kompaun.

Lebih malang dakwa penduduk, pengunjung medan selera DBKL dan enam rumah ibadat di kawasan berkenaan turut dikompaun walaupun singgah sekejap.

Mhd Amin Nordin sebaliknya berkata, kawasan itu adalah rumah kedai bukan komersial sepenuhnya tetapi diwartakan sebagai tempat letak kenderaan berbayar.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata penduduk yang menetap di bangunan tanpa tempat letak kenderaan yang diwartakan boleh memohon pas bulanan bagi mengelak kenderaan mereka dikompaun atau disita.

Katanya, ada sesetengah tempat diwartakan DBKL sebagai tempat letak kenderaan berbayar kerana pemaju sudah menyerahkan kawasan berkenaan di bawah penyelenggaraan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Bagaimanapun, katanya, setiap pemaju selarusnya menyediakan tempat letak kenderaan kepada penghuni bangunan, khususnya rumah kedai, kerana tempat letak kenderaan adalah keperluan asas mereka yang menghuni bangunan.

“Tiada yang percuma, memang kena bayar sebab sudah diwartakan tetapi boleh memohon pas bulanan RM120 ke RM150 sebulan,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Projek Rica Residence@Sentul, oleh syarikat Fajarbaru Builder Group Berhad, di sini, semalam.

Mhd Amin Nordin ketika diminta mengulas syor Menteri Wilayah Persekutuan itu berkata, penduduk boleh memohon pas bulanan.

“Penduduk boleh memohon dengan bayaran tertentu,” katanya.

Keratan akhbar BH
2 Ogos 2017.

